

SUKAN REMAJA 2015
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON
(LELAKI DAN WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang **Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN REMAJA 2015**.
 - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang dan Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF).
- 1.4 Semua keputusan peselisihan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton SUKAN REMAJA 2015 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

1 Hingga 5 JUN 2015

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Institusi Latihan Perindustrian (ILP) Muadzam Shah

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Majlis Sukan Daerah. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing. Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) Pasukan Lelaki dan satu (1) Pasukan Wanita seperti berikut -

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1	-
Jurulatih	1	1
Pengadil	1	1
Peserta	6	6
JUMLAH	9	8

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1995 dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan atau Dokumen Pendaftaran JPN 1/9 dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta
- 5.3 Hanya peserta yang berdaftar sahaja yang layak menyertai pertandingan ini. Jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan lebih dari satu (1) pasukan maka pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran yang akan disertai

6.0 MESYUARAT / TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat/ Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa atau dokumen pendaftaran JPN 1/9, atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Pertukaran nama peserta yang telah didaftarkan boleh dilakukan semasa Taklimat Pengurus Pasukan. Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selapas taklimat tersebut sebarang perpermintaan pertukaran tambahan atau pindaan peserta adalah tidak dibernarkan.
- 6.4 Taklimat Pengurus hanya dihadiri oleh Pengurus Pasukan yang berdaftar, dan kehadiran jurulatih-jurulatih sebagai pemerhati sahaja

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:-

7.1.1 Individu

- a) Perseorangan Lelaki (Peserta)
- b) Beregu Lelaki (Peserta)
- c) Perseorangan Wanita (Peserta)
- d) Beregu wanita (Peserta)
- e) Beregu Campuran (Peserta)

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan acara Perseorangan dan Bergu

8.1.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftarkan peserta seperti berikut -

8.1.1.1 Satu (2) Perseorangan Lelaki

8.1.1.2 Dua (2) Beregu Lelaki

8.1.1.3 Satu (2) Perseorangan Wanita

8.1.1.4 Dua (2) Beregu Wanita

8.1.1.5 Dua (2) Beregu Campuran

8.1.2 Semua acara perseorangan dan beregu ini akan dipertandingkan secara Liga Satu Pusingan dan Kalah Mati mengikut Peraturan-peraturan Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF)

8.1.3 Setiap pasukan hendaklah bersanggupan bermain lebih dari satu perlawanan sehari. Jika dijadualkan bermain lebih dari satu perlawanan dalam sehari maka masa rehat selama tiga puluh (30) minit akan diberi di antara perlawanan tersebut.

9.0 MENARIK DIRI

9.1 Pasukan yang terlewat lima belas (15) minit daripada masa yang dijadualkan akan dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu

9.2 Menarik diri (walk-over) sama sekali tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku. Pasukan atau peserta yang berkenaan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.

9.3 Keputusan-keputusan pertandingan terdahulu bagi pasukan atau peserta yang berkenaan tidak diambil kira.

10.0 PENGADIL / HAKIM GARISAN

10.1 Setiap pasukan diminta untuk menyediakan seorang pengadil yang mempunyai Sijil Tahap 2

10.2 Jawatankuasa Kecil Teknikal akan melantik pengadil bertauliah dan pegawai untuk bertugas di sepanjang pertandingan

10.3 Keputusan pengadil dalam pertandingan adalah muktamad.

11.1 BANTAHAN TATATERTIB

- 11.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan sertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM100.00 tunai (Rujuk Peraturan Am, para 17 1)
- 11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Referi Kejohanan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan tamat.
- 11.4 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan/ Tatatertib dan Prosuder Atucara mesyuarat mengikut yang digunakan oleh Persatuan Badminton Malaysia. Jawatankuasa Bantahan/ Tatatertib adalah seperti berikut -
 - 11.4.1 Setiausaha Agung Persatuan Badminton Pahang/ Wakil (PBP).
 - 11.4.2 Teknikal Deligat yang dilantik oleh PBP.
 - 11.4.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan itu

12.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

- 12.1 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa 2 jam setelah menerima laporan daripada Pegawai Pertandingan dan Pengadil serta membuat keputusan
- 12.2 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat lanjut daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat keputusan.

13.0 JURI RAYUAN

- 13.1 Perlantikan Juri Rayuan dan prosedur atucara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persekutuan Badminton Malaysia.
- 13.2 Juri Rayuan akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima bantahan atau rayuan dan akan menyampaikan keputusan kepada Jawatankuasa Pertandingan untuk diumumkan
- 13.3 Keputusan Juri Rayuan adalah muktamad

14.0 HADIAH-HADIAH

14.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut .-

LELAKI

	EMAS	PERAK	GANGSA
Perseorangan	1 (1)	1 (1)	1(1)
Beregu	1 (2)	1 (2)	1(2)

WANITA

Perseorangan	1 (1)	1 (1)	1 (1)
Beregu	1 (2)	1 (2)	1 (2)
Beregu Campuran	1 (2)	1 (2)	1 (2)

JUMLAH	5 (8)	5 (8)	5 (8)
---------------	--------------	--------------	--------------

14.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Am 18.0 (tertakluk kepada bilangan peserta pada setiap acara)